



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	10/9/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	16
JABATAN	:	-			



Sinar, 10 Sept
2021_16

Kemenangan untuk rakyat dan Negeri Selangor

PENGUMUMAN Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari pada Rabu bahawa kerajaan negeri akan memulakan proses mewartakan semula Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU) adalah kemenangan besar untuk rakyat dan negeri itu.

Dengan keputusan tersebut, kerajaan negeri akan menghentikan cadangan pelan pembangunan ke atas kawasan terbabit dan membatalkan pemberimilikan tanah itu kepada syarikat berkaitan.

Media sebelum ini melaporkan cadangan penyahwartaan HSKLU adalah bagi pelaksanaan projek pembangunan bercampur, namun mendapat bantahan pelbagai pihak kerana ia akan memusnahkan khazanah alam semula jadi di hutan simpan tersebut yang dianggarkan berusia 8,000 tahun. Ia adalah 'paru-paru hijau' terakhir di selatan Selangor.

Malangnya, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 5 Mei memutuskan kira-kira 536.70 hektar daripada keseluruhan kawasan HSKLU diluluskan untuk dinyahwarta mengikut Seksyen 12, Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negeri Selangor 1985 dan disahkan pada 19 Mei.

Isu HSKLU adalah bukti jelas bahawa suara rakyat jika digembleng untuk kepentingan ramai akan membawa kesan mendalam dan positif dalam perjuangan. Ia dikuatkan lagi dengan peranan media yang turut membantu menyiarkan bantahan dan kepentingan awam, selain pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta aktivis yang bersatu tanpa jemu. Semuanya demi survival HSKLU.

Jelaslah, kesedaran rakyat dalam mempertahankan alam sekitar semakin tinggi. Pembangunan bukan bermakna mengorbankan alam semula jadi. Lebih tepat lagi, pembangunan dan infrastruktur di Selangor sudah cukup sempurna. Tidak perlu lagi membina apa-apa sehingga menjejaskan kelestarian hutan simpan. Adalah lebih baik memperbanyakkan lagi kawasan hijau untuk anak-anak kita.

Apa pun, kerajaan negeri juga wajar dipuji kerana telah meletakkan kepentingan rakyat dan memulihara alam sekitar di hadapan berbanding kepentingan komersial. Kerajaan yang mendengar keluh-kesah rakyat adalah kerajaan yang prihatin dan bertanggungjawab.

Kepada kerajaan tempatan dan kerajaan negeri yang lain, malah di peringkat persekutuan, ingatlah betapa pentingnya rakyat dirunding terlebih dahulu dalam apa juga keputusan besar kerana rakyat adalah pemegang taruh yang tidak patut dibelakangkan atau dipinggirkan.

